



23 JUN, 2023

Program FAMA Fest akan diperluas ke seluruh negara

Utusan Sarawak, Malaysia

Program FAMA Fest akan diperluas ke seluruh negara

HIMPUN MENTERI PERTANIAN DAN KETERANGAN

23 JUN 2023 KHAMIS | PENTAGITA

PEMBANGUNAN OUTLET PERUNCITAN
RM240,000.00
 Ringgit Malaysia: Dua Ratus Empat Puluh Ribu Sahaja

CHAN Foong Him menyaksikan majlis penyerahan Geran Pembangunan Outlet Peruncitan daripada Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Aminuddin Zulkifli kepada wakil penerima, Zuliana Abd Muin (kanan) pada perasmian Perak FAMA Fest 2023 di Pusat Transformasi Luar Bandar Gopeng semalam. • Foto BERNAMA

GOPENG: Penganjuran program Fiesta Makanan, Bunga dan Buah (FAMA Fest) anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan diperluaskan ke seluruh negara, bagi membolehkan lebih ramai pengguna mendapatkan produk berasaskan pertanian dan industri asas tani dengan harga berpatutan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Chan Foong Hin bagaimanapun berkata penganjurannya akan mengambil kira kemampuan penganjur serta kapasiti sesuatu lokasi, sebelum ia dilaksanakan.

Beliau berkata sebelum ini untuk 2023, penganjuran FAMA Fest dirancang untuk diadakan di lima negeri iaitu Perak, Sarawak, Johor, Pulau Pinang serta Terengganu.

"Ini sesuatu yang saya rasa memang boleh kita laksanakan dan kita akan koordinasi di antara agensi dan jabatan kerajaan, untuk kita sama-sama jayakan-nya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Perak FAMA Fest 2023, di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Perak di sini semalam.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian Dan Industri Makanan negeri Datuk Mohd Zolkafly Harun, serta Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Aminuddin Zulkifli.

Terdahulu, Chan dalam ucapannya berkata pihaknya menyasarkan nilai jualan keseluruhan program FAMA Fest pada tahun ini ialah sebanyak RM5 juta, dengan penglibatan seramai 300 usahawan.

Beliau berkata, Program FAMA Fest yang bermula sejak 2017, diadakan juga bertujuan mewujudkan platform kepada petani dan usahawan memasarkan produk keluaran mereka, selain dapat mempromosi dan memperkenalkan produk mereka dengan lebih meluas lagi.

— Bernama



23 JUN, 2023

Program FAMA Fest akan diperluas ke seluruh negara

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

GOPENG: Penganjuran program Fiesta Makanan, Bunga dan Buah (FAMA Fest) anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan diperluaskan ke seluruh negara, bagi membolehkan lebih ramai pengguna mendapatkan produk berasaskan pertanian dan industri asas tani dengan harga berpatutan. Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Chan Foong Hin bagaimanapun berkata penganjurannya akan mengambil kira kemampuan penganjur serta kapasiti sesuatu lokasi, sebelum ia dilaksanakan.